

# BARISAN NASIONAL,

# PAS 'TARIK TALI'

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# DI KEMUMIN

Oleh  
**NORDIN MOHAMAD**

seorang ahli jawatankuasa agung parti itu, Encik Sukly Latiff berceramah, begitu juga dalam ceramah-ceramah lain.

Tetapi kehadiran Timbalan Presiden Umno, Datuk Musa di Selising secara mengejut, mendapat sambutan beribu-ribu orang penduduk setempat, termasuk para penyokong Pas.

## Perubahan sikap

Kubu-kubu kebal Pas selama ini di Kampung Tasok, Seligi, Jelor dan Kedai Menenti telah ditembusi Umno dengan tertubuhnya cawangan-cawangan parti.

Tembusnya kubu-kubu kebal Pas itu, jelas membuktikan pandangan dan pemikiran sebahagian besar penduduk-penduduk setempat telah berubah dan menerima pembangunan serta kemajuan yang dibawa oleh BN ke kawasan mereka.

Sebelum ini, penduduk-penduduk di empat buah kampung tersebut begitu tebal fahaman politik 'Pas' yang sukar dikikis dan sulit pula bagi parti lain untuk memecah kaki di kawasan berkenaan, terutama sewaktu Pas berkuasa di Kelantan dahulu.

Perubahan sikap calon Pas, Drs Abdul

Rahman bersembahyang Jumaat di Bukit Abal pada 2 September lalu berimamkan orang BN dengan sendirinya mengugut kepercayaan dan pandangan para pemilih, khasnya ahli-ahli dan penyokong Pas di Selising, tentang pendirian tokoh tersebut dan kebenaran isu kafir mengkafir yang menjadi pelaburan besar politik Pas untuk menarik sokongan rakyat Islam.

Sikap calon Pas Selising itu menjawab dengan sendirinya fatwa-fatwa politik para pemimpin Pas selama ini bahawa tidak sah sembahyang berimamkan orang BN.

Mungkin juga sikap itu adalah taktik terbaru Pas sebagai cuba mengelirukan rakyat Selising bahawa parti tersebut dan para pemimpinnya tidak mengeluarkan fatwa sedemikian rupa.

Kalaupun demikian taktiknya, maka jerangkap atau jerat yang dipasang itu, akan memerangkap diri sendiri, kerana persoalan yang timbul di kalangan rakyat ialah mengapa, dalam menghadapi pilihanraya kecil ini, calon Pas itu 'sanggup' sembahyang berimamkan orang BN — tentu ada muslihatnya.

Seramai 12,320 pengundi di kawasan tersebut tidak begitu mudah untuk diperdaya-

kan, kecuali bagi orang-orang yang sudah tidak dapat membezakan antara 'kain putih dan kain hitam' dan 'kain putih dikata hitam, kain hitam dikata putih'.

Kalangan pemimpin Pas sendiri menyedari tentang kepastian kekalahan calonnya di Selising, sebab itu parti itu menghantar beberapa tokoh pusatnya termasuk Haji Nik Aziz Nik Mat berulang — kali berceramah di kawasan itu, walaupun sambutan dingin.

Tetapi akhir-akhir ini, Pas tidak lagi memumpunkan sepenuh tenaga di kawasan Selising, parti itu lebih memberatkan untuk menakluki Kemumin.

Bagaimana pula peluang kemenangan BN di Kemumin dalam menghadapi pertandingan tiga penjuru — termasuk Pas dan Hamim...?

Bagaimana pula peluang kemenangan BN di Kemumin dalam menghadapi pertandingan tiga penjuru — termasuk Pas dan Hamim...? Tokoh-tokoh politik, termasuk para pemimpin BN dan Pas serta Hamim tidak berani untuk menyebut bahawa parti masing-masing 'akan atau pasti' mencapai kemenangan di Kemumin, seperti halnya di Selising.

Masing-masing pemimpin khususnya dari BN dan Pas, ketika ditinjau penilaian mereka, cuma berani menyebut 'peluang kita untuk menang adalah cerah'.

Kemumin yang mempunyai bilangan pengundi 11,755 pengundi juga kawasan tradisional Pas sejak tahun 1959 hingga 1978, terletak dalam kubu kuat Pas di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa yang dipegang oleh Haji Nik Aziz.

Kedadaan ini timbul mungkin disebabkan beberapa faktor seperti tarap kehidupan para pemilih di situ terdiri daripada berbagai kategori kehidupan, latar belakang calon-calon yang bertanding, kedudukan kawasan Kemumin itu sendiri dan sebagainya.

Penyertaan Hamim dalam pilihanraya di situ dan kedudukan Umno yang semakin kuat di kawasan tersebut, mungkin antara sebab musabab Pas tidak berani untuk mendakwa parti tersebut pasti mencapai kemenangan di Kemumin.

Begitu juga bagi BN, kerana Kemumin adalah kubu kuat Pas dan sikap serta pemikiran sebahagian penduduk (masyarakat kampung) sukar diubah, tidak berani untuk membuat telahan awal bahawa calon BN pasti berjaya.